

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

HIS 401 Fiqah al-Munakahat: Perkahwinan dan  
Kekeluargaan Islam

---

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM  
TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap  
Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Asingkan jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama kulit buku  
jawapan. Tuliskan angka giliran dan nombor soalan atas  
setiap helai kertas jawapan anda.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Perkahwinan adalah satu-satunya kaedah yang telah disyari'atkan oleh Islam untuk memenuhi tuntutan fitrah dan sekaligus ia merupakan suatu sunnah yang perlu disempurnakan oleh setiap individu Muslim. Berdasarkan pernyataan ini huraikan beberapa perkara berikut:
  - [a] Konsep fitrah menurut pengertian Islam dan hubungannya dengan perkahwinan serta penentangan terhadap sifat Ruhbaniyyah.
  - [b] Nilai-nilai murni dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan hubungannya dengan iman, ilmu dan ikhlas.
  - [c] Agama adalah ciri yang perlu diutamakan dalam pemilihan jodoh.

.../2

2. [a] Konsep **AL RIJAL QAWWAMUNA 'ALA AL NISA** memberi gambaran tanggungjawab yang besar kepada kaum lelaki. Meskipun demikian kaum wanita dari masa ke semasa telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam pelbagai bidang. Berdasarkan pernyataan ini, huraikan sistem kepimpinan dalam keluarga menurut perspektif Islam.
- [b] Pendidikan memainkan peranan yang sangat besar dalam pembentukan keluarga Muslim. Islam memberi penekanan tentang aspek-aspek rohaniah dan intelek. Berdasarkan pernyataan ini huraikan fungsi pendidikan dalam pembentukan sesebuah keluarga dan bincangkan beberapa prinsip tanggungjawab suami isteri terhadap pembentukan akhlak anak-anak.
3. Terdapat umat Islam yang beranggapan poligami adalah sunnah Nabi yang sesuai diikuti. Sejauh manakah pernyataan ini benar dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia?

**BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan**

4. Agad perkahwinan yang sah bagi pasangan suami isteri membawa makna amanah yang wajib diterima oleh suami isteri berkenaan dan menunaikannya kepada ahli masing-masing. Huraikan konsep amanah berdasar kepada ayat 58 di dalam surah al-Nisa yang berkaitan dengan perkahwinan dan kekeluargaan.
5. Apakah peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia yang mensyaratkan keizinan isteri yang ada bagi membolehkan suaminya berpoligami, menyalahi konsep keadilan yang dimaksudkan di dalam al-Qur'an (al-Nisa: 3)? Bincangkan.
6. Al-Nisa: 19, Allah s.w.t. befirman yang bermaksud:  
"Wujudkanlah pergaulan, hubungan dan layanan yang baik terhadap isteri kamu...".
- [a] Nyatakan hukum mewujudkan hubungan dan layanan baik terhadap isteri dan kukuhkan jawapan anda dengan hujah-hujah yang difahami daripada maksud ayat tersebut dan fakta-fakta lain yang membantu.



[b] Nyatakan / kesan hukum tersebut ke atas individu-individu berikut:

- i. suami
- ii. isteri
- iii. pihak berwajib

-ooo000ooo-

THE UNIVERSITY OF CHICAGO  
DEPARTMENT OF CHEMISTRY  
58 CHEMISTRY BUILDING  
CHICAGO, ILLINOIS 60637

TO: [Name]

FROM: [Name]

SUBJECT: [Subject]

DATE: [Date]

[Main body of the letter, containing the primary message or request.]

[Additional text or notes at the bottom of the letter.]

[Closing text, possibly including a signature or contact information.]

[Final lines of text, possibly including a reference or enclosure note.]